

Belajar untuk Menerima Kekurangan Diri

Sikap mementingkan kesempurnaan menyebabkan kamu sukar untuk menerima kesilapan. Hasilnya, kamu kecewa terhadap diri dan orang lain. Adakah kamu mempunyai kecenderungan ini? Jika ya, cubalah cadangan berikut:

1 MENGENAL PASTI MASALAHNYA

Pilih keadaan yang selalunya membuat kamu mementingkan kesempurnaan.




SEKOLAH

(Kamu berasa sangat kecewa jika mendapat keputusan yang kurang cemerlang.)



DI RUMAH

(Apabila mengemaskan bilik, semua benda mesti diletakkan di tempat asal. Jika ada yang tidak kena, kamu akan cepat marah.)



PERSAHABATAN

(Kamu tidak dapat bertoleransi apabila orang lain, terutamanya yang rapat dengan kamu, membuat kesilapan.)



LAIN-LAIN

Sekarang fikirkan keadaan yang kamu pilih. Bagaimanakah kamu menunjukkan sikap mementingkan kesempurnaan dalam keadaan tersebut?

2 CUBALAH CARA BAHARU

Bible menyatakan, “kebijaksanaan yang datang dari syurga . . . munasabah.” (Yakobus 3:17) Dengan memikirkan keadaan yang kamu pilih tadi, bagaimanakah kamu boleh menunjukkan sikap munasabah terhadap diri (atau orang lain)?

► Saya tidak boleh

► Saya boleh



3 PILIH SATU AYAT BIBLE

Mana satu ayat yang paling sesuai bagi situasi kamu?

“Dengan rendah hati hidup bersatu dengan Tuhan kita.”—Mikha 6:8.

“Jika Engkau hanya memperhatikan kesalahan, siapakah yang dapat terlepas daripada hukuman, ya Yehuwa?”—Mazmur 130:3, *NW*.

“Di bumi tiada seorang pun yang selalu berbuat baik.”—Pengkhotbah 7:20.

“Semua orang sudah berdosa dan gagal mencapai kemuliaan Tuhan.”—Roma 3:23.

“Hendaklah sikap munasabah kamu diketahui semua orang.”—Filipi 4:5.

Bagaimanakah ayat yang kamu pilih membantu kamu untuk melawan sikap mementingkan kesempurnaan?

4 PILIH SEORANG TELADAN

Siapakah teladan baik yang menunjukkan sikap munasabah, dan mengapa *kamu* memilihnya?



“Apabila saya mula mementingkan kesempurnaan, saya cuba fikir tentang orang yang saya kagumi. Saya berasa selesa ketika bersama mereka. Saya juga ingin orang lain berasa selesa ketika bersama saya. Oleh itu, saya pun bertekad untuk tidak mementingkan kesempurnaan.”—Anna.



5 TETAPKAN MATLAMAT

Semasa melawan sikap mementingkan kesempurnaan, apakah matlamat yang boleh kamu tetapkan?

“Jika rancangan kamu tidak berjalan lancar, sedarlah bahawa kamu sudah melakukan yang terbaik. Tumpulah pada perkara yang positif dan belajarlh daripada kegagalan.”
—Kara.
